

# Dr M minta Jepun taklah import barangankita

**TOKYO, Selasa** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Jepun mengimport lebih banyak barangan buatan Malaysia dan negara-negara membangun untuk mengatasi masalah besar pemasaran barangan mereka kerana rancangan perindustrian.

Perdana Menteri berkata, Jepun adalah rakan dagangan dan pelabur asing yang terbesar di Malaysia.

Jumlah dagangan tahunan antara kedua negara mencapai lebih AS\$5,351 juta tahun 1981 dan dijangka bertambah setiap tahun.

"Kita gembira Jepun sedang bekerjasama rapat dengan rancangan perindustrian Malaysia dan saya

yakin, kerjasama ini akan menguntungkan kedua negara. Oleh itu, kami mengulangi lebih banyak pelaburan Jepun di Malaysia," katanya.

Tetapi dengan meningkatnya rancangan perindustrian, Malaysia mengharapkan bantuan Jepun untuk membuka pasarnya kepada lebih banyak barangan buatan Malaysia, tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapan balasnya di majlis jamuan rasmi yang diberikan oleh Perdana Menteri Jepun, Etsuo Yasuhiro Nakasone di sini malam semalam, bagi mengulangi lawatan Perdana Menteri ke Jepun.

## Mengatasi kekurangan

Menurutnya, semua negara terjejas dengan kemelesetan yang melanda dunia hari ini, khususnya negara-negara membangun seperti Malaysia.

"Kerana itu, harga barangan jatuh dengan teruk dan Malaysia sebagai negara pengeluar utama berbagai-bagai bahan mentah seperti getah, limas, kelapa sawit dan balak, terjejas kerana kekurangan pendapatan eksport", ujarnya.

Beliau berkata, kemelesetan itu juga menjejaskan pembangunan di Malaysia.

"Dalam bidang inilah kita memerlukan kerjasama dan persefahaman rakan-rakan kita untuk membantu mengatasi kekurangan hasil pendapatan supaya projek-projek pembangunan dapat berjalan lancar untuk mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi kita", tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menjelaskan, beliau memintai rakyat Malaysia "memandang ke Timur" dan belajar dari Jepun kerana negara itu telah berjaya mencatat pertumbuhan GNP yang tinggi walaupun kebanyakan negara mengalami kemelesetan.

Kejayaan Jepun itu disebabkan sikap positif rakyatnya terhadap pekerjaan, tanggungjawab dan kesediaan bekerja.

Beliau berkata, Malaysia bukan saja mengejar kemajuan material dan teknologi maju negara itu.

## Faktor utama

"Yang saya tekankan kepada rakyat Malaysia ialah mencontohi rakyat Jepun dalam etika kerja dan sikap mereka serisa sistem pengurusan, yang pada pendapat saya adalah faktor utama pembangunan dan perindustrian pesat Jepun", katanya.

Menurutnya, Malaysia akan menghantar lebih ramai pelajar dan pelatih ke institusi-institusi pengajian tinggi dan berkhidmat dengan pertumbuhan-pertumbuhan industri Jepun untuk mendapatkan pengetahuan dan mengamalkan etika kerja rakyat negara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kumpulan pertama pelatih Malaysia telah tiba di Jepun September lalu dan lebih ramai lagi akan diantar.

Beliau berharap, Jepun akan terus mengularkan kerjasama kepada Malaysia pada masa depan kerana ia adalah yang akan dinikmati oleh kedua negara dalam menyidangkan asas hubungan lebih bererti antara rakyatnya.



■ Maharaja Hirohito (mengadap depan, tiga dari kanan) berucap dengan Datuk Seri Dr Hasimah, di majlis makan tengah hari diraja kerana meraikan lawatan Perdana Menteri Datuk

Seri Dr Mahathir dan rombongan ke Jepun. Datuk Seri Dr Mahathir membelakangi kamera (kiri). Di belakang Maharaja Hirohito, Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone. Gambar AP.

Bahan asal dari Arkit  
Negara Malaysia